

# KITAB TAWARIKH 2.0



Friday, March 15, 2013

## Kenang - Kenangan Kolej Kediaman Pertama Universiti Kebangsaan Malaysia 1970 - 1977.

Oleh : Harith Faruqi Sidek



Kolej Kediaman Pertama UKM. (Sumber: Semesta, 1977/78)

Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan secara rasminya pada 18 Mei 1970, dan dalam tahun yang sama, ia telah memulakan tahun akademiknya pada 20 Mei 1970 dengan 190 orang orang mahasiswa sulung. ( Kalyubi Ghazali, 1971). Antara kemudahan yang melengkapkan kampus sementara UKM di Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur ialah kediaman mahasiswa yang dikenali dengan nama Kolej Kediaman Pertama. Kolej kediaman ini mempunyai 11 blok yang dinamakan mengikut abjad, iaitu Blok A sehingga Blok K.



### Translate

Select Language

Powered by [Google Translate](#)

Tweets by [@HarithSidek](#)

### Komen Pengunjung

Recent Comments Widget

### Latar Diri Penulis



**Harith Faruqi Sidek**

Pustakawan di PTSL, UKM.  
Pemegang Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Maklumat, UiTM dan MARM ( Master of Archives and Records Management) University of Liverpool, UK.

[View my complete profile](#)

### Search This Blog

### Facebook Badge

Ikrar Mahasiswa sulung.....( Sumber: Semesta, 1970)



Memulakan kuliah dalam tahun pertama penubuhannya.....(Sumber: Semesta, 1970)



Tinggal Kenangan....(Sumber: Semesta, 1977/78)



Suatu ketika dahulu...(Sumber: Semesta, 1977/78)

### Pengurusan Kolej

Pengetua pertama kolej kediaman pertama UKM ialah Zakaria Awang Soh (Prof. Dr.) yang turut menjadi pengerusi kepada Jawatankuasa Dewan Tinggi atau JKDT yang dianggotai oleh kakitangan universiti. Kakitangan terawal yang pernah menganggotai JKDT kolej pertama ini ialah, Cik Norsham Muslim (Mantan Ketua Pustakawan UKM), Dr. Noramly Muslim ( Prof. Datuk Dr.), Ustaz Mohd Hj. Abu Bakar, Puan Kamariah Janor, Ismail Md. Noor dan Ahmad Jantan.

Harith Faruqi Sidek



Create Your Badge

### Blog Malaysia Directory



### Post Popular



**Menyingkap sejarah serta misteri Istana Kellie (Kellie's Castle)**

Oleh : Harith Faruqi Sidek  
Sebut sahaja Batu Gajah, Perak, pastinya nama Istana Kellie atau Kellie's Castle akan disebut sebagai tarik...



**Bagaimana Negeri-Negeri di Malaysia mendapat namanya**


Oleh : Harith Faruqi Sidek  
Merujuk naskah " Asal - usul negeri-negeri di Malaysia" yang dihasilkan oleh Datuk Zakiah Hanum, m...



**Shariff Dol : Samseng Kampung Dusun dalam kenangan.**

Oleh : Harith Faruqi Sidek 'Shariff Dol, Samseng Kampung Dusun'...tagline yang disebut orang hingga ke hari ini, begitulah t...





Prof. Dr. Zakaria Awang Soh...Pengetua pertama Kolej Kediaman Pertama UKM.

### Kempimpinan Mahasiswa Kolej Pertama UKM

Dibawah JKDT, wujud satu jawatankuasa yang dianggotai oleh mahasiswa, jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Dewan Rendah Kolej atau JKDRK. Ahli jawatankuasa JKDRK yang pertama ialah,

Pengerusi	: Che Uda Che Nik
PenolongPengerusi	: Mohd. Nor Hj. Manutty ( Dr.)
Setiausaha	: Md. Roshidi Hj. Osman
PenolongSetiausaha	: Rahimah Abdul Aziz (Prof. Dr.)
Bendahari	: Hasnah Hj. Hassan
AhliJawatankuasa	: Bustamam Yahya ( Sosial) Md. Yusof Zainol ( Sukan) Innum Rahiman ( Penerangan)



Ahli Jawatankuasa JKDRK yang pertama. ( Sumber : Semesta, 1970)

Antara tokoh akademik yang pernah dilantik sebagai ahli jawatankuasa JKDRK ini ialah Prof. Dr. Rosnah Baharudin, Datuk Azmi Hj. Abdullah ( 1971/1972), Prof. Datuk Dr. Ibrahim Komoo, YB. Dr. Rosli Che Mat (1972/1973) dan Prof. Dr. Awang Sariyan (1973/194). JKDRK ini kemudiannya dikenali sebagai JAKSA (Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa).

### Sejarah Pembukaan Penempatan Orang Jawa di Selangor

Oleh : Harith Faruqi Sidek  
Hubungan Tanah Melayu dengan Pulau Jawa telah bermula sejak kurun ke-14 lagi, sepertimana diceritakan dalam na...



**"The Real Malay"**  
: Perihal Orang Melayu menurut Frank Swettenham

Oleh : Harith Faruqi Sidek  
Dalam karya beliau yang terkenal, " Malay Sketches", Frank Swettenham telah memberi gambaran tentan...




**Warisan Darah dan Airmata di Muzium Perang Pulau Pinang.**

Oleh : Harith Faruqi Sidek  
Pintu masuk Muzium Perang Pulau Pinang Antara lokasi yang menarik untuk dilawati jika melancong ke Pul...



**Catatan Dari Bumi Anbiya' 2 : Perihal Jam tangan Mekah**

Jam tangan mesra islam. Kalau disebut Jam Mekah, pasti yang terbayang ialah jam-jam buatan negara china yang dijual oleh penjaja di j...



**Asal Usul nama negeri Selangor dan beberapa tempat di Daerah Kuala Selangor**

Oleh Harith Faruqi Sidek  
Jika dalam naskah "Asal Usul Negeri-negeri di Malaysia" karya Datuk Zakiah Hanum tidak memaparkan bagaimana ...



**Wak Mustarjo (1890 - 1970) dan 9 perkara menarik tentang beliau.**

Oleh : Harith Faruqi Sidek  
Wak Mustarjo@Mustar Ahmad (sumber : P.Ramlee.com)  
Antara pelakon tambahan yang sering menghiasi fil...

**Seniman H.M Busrah : Dari Semenyih ke Jalan Ampas**



JKDRK 1973/74. ....( Sumber : Semesta, 1973/74 )



JKDRK 1973/74 telah mewujudkan sebuah kedai siswa...kelihatan salah seorang ahli jawatankuasa yang bertugas, Awang Sariyan ( Prof. Dr.)...( Sumber : Semesta, 1973/74 )

### Majalah Rasmi Kolej

Kolej Pertama UKM telah menerbitkan majalah rasminya yang pertama pada tahun 1971, Majalah ini dinamakan SEMESTA. Sidang redaksi pertama majalah SEMESTA ini diketuai oleh Chamhuri Siwar

(Prof. Emeritus) sambil dibantu oleh Sabariah Ibrahim, Asiah Sarji ( Prof. Dr.), Mohd Kalyubi Ghazali, Abdullah Man dan Jamilah Jaafar. Penerbitan ini bukan sahaja memuatkan berita tentang aktiviti mahasiswa, tetapi turut memuatkan karya yang dihasilkan oleh ahli akademik, antara yang menyumbang ialah Prof. Dr. Syed Naguib Al-Attas (pada masa itu Dekan Fakulti Sastera yang pertama), Prof. Achmad Amirudin, Prof. Dr. Khoo Kay Kim, sidang redaksi yang sememangnya mempunyai bakat yang bukan sebarang turut menyumbangkan penulisan dalam majalah ini.



Oleh : Harith Faruqi Sidek Allahyarham H.M. Busrah ketika muda (kredit: cinemamalaysia.com.my) “..Siapa tu?...Maznah ya?..” itulah...

### Bilangan Pembaca



1,159,378

### Feedjit

### Blog Archive

- ▶ 2016 (4)
- ▶ 2015 (22)
- ▶ 2014 (31)
- ▼ 2013 (46)
  - ▶ December (5)
  - ▶ November (4)
  - ▶ October (2)
  - ▶ September (1)
  - ▶ August (5)
  - ▶ July (2)
  - ▶ June (4)
  - ▶ May (4)
  - ▶ April (2)
  - ▼ March (3)

Catatan Dari Bumi Anbiya' 1 : Sepetang di Perpusta...


Kenang - Kenangan Kolej Kediaman Pertama Universit...

Pustaka Antara : Baranya masih ada.

- ▶ February (6)
- ▶ January (8)



Kulit keluaran pertama majalah Semesta 1970, kelihatan logo pertama UKM hasil ciptaan Prof. Dr. Syed Naguib Al-Attas.



Sidang redaksi majalah Semesta yang pertama, Ketua Pengarangnya ialah Chamhuri Siwar (Prof. Emeritus).



Redaksi 1972/1973 dipimpin oleh Shafie Abu Bakar (YB. Dr.). (Sumber: Semesta, 1972)

- ▶ 2012 (45)
- ▶ 2011 (4)
- ▶ 2010 (11)
- ▶ 2009 (62)
- ▶ 2008 (32)
- ▶ 2007 (27)
- ▶ 2006 (52)
- ▶ 2005 (28)

## Blog Pilihan

### FILEM KLASIK MALAYSIA



- \* SI JELITA DAN KUCING KESAYANGNYA Oleh Mustafar AR --

Kucing (meow) haiwan comel (cute) paling rapat dengan kita...  
18 hours ago

### CATATAN SI MERAH SILU



Mengingat kembali perjalanan pertama bermotosikal

besar solo keliling Semenanjung - Menghabiskan baki cuti kerja di Muar sebelum kembali ke Kuala Lumpur - Salam tengah hari Jumaat ke-5 tahun 2001 dan terakhir bagi bulan Januari. Sampai masanya untuk menyelesaikan terus cerita kenangan perjalanan 23 tahun la...  
1 day ago

### OMAR M. HASHIM (OMARA)

Bersama anak anak Bintang Legenda - Anak Allahyarham Dato' Ahmad Daud dan Saadiah juga anak Mariani dan H.M. Rohaizad. Zaman sudah berlalu, kini hanya dapat terlibat aktiviti seni dengan ...  
1 week ago

### .chedinsphere.





Awang Sariyan (Prof. Dr.) memimpin sidang redaksi Semesta bagi tahun 1973/1974 . (Sumber: Semesta, 1973/74)

Majalah ini diteruskan penerbitannya buat beberapa ketika, malah selepas perpindahan ke Kampus Bangi, dimana kolej pertama ini bertukar nama ke KOMSIS A dan kemudiannya menjadi Kamsis A sebelum kini dikenali sebagai Kolej Dato' Onn. Antara tokoh dan ahli akademik yang pernah menganggotai sidang redaksi majalah ini ialah, Awang Sariyan ( Prof. Dr.), Shafie Abu Bakar (Dr.), Zainuddin Ayip, Nik Marzuki Sidek (Dr.) dan lain-lain.

### Aktiviti Penghuni Kolej

Sepertimana kebiasaan mana-mana kolej kediaman mahasiswa, pastinya ia tidak sunyi dengan aktiviti yang melibatkan penghuninya, begitu juga halnya dengan kolej kediaman pertama ini. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan oleh pengurusan kolej bersama-sama dengan JKDRK, antaranya sukan, hiburan, akademik dan sebagainya.



AJK Sukan 1971/1972.....antaranya Allahyarham Iran Herman (Kiri hujung, berkata mata gelap)




Adakah Pasukan Bolasepak tahun 1970/1971 ini merupakan pasukan bolasepak UKM yang pertama?...Berdiri

Jersi Lotto - Home Selangor FA, 1993. - \*Jersi Lotto - Home, 1993.\*



Alhamdulillah, setelah sekian lama menanti dan mencari. Ramai dah ada dalam koleksi, saya baru ada rezeki mem...  
3 months ago

### Untold History



Untold Histories : Best Clue Hidden in the Plain View

- If.. nobody know Tyersall Estate belong to TMJ, did they know Johor Royalty is the richest craziest Asians???? Ko rase.. Author Crazy Rich Asian tau tak.....  
4 months ago

### PetikanBuku: Buku Mampu Mengubah Dunia Sudah Lama Tidak Update Blog

- Salam semua. Sudah bertahun saya tidak update blog. Mungkin ramai yang kini hanya membaca Facebook sahaja, jarang lihat blog. Bagi saya, blogging sudah ber...  
4 years ago

### Arkib Negara X

ANX 6 tahun - - Arkib Negara X kini 6 tahun (2009-2015). - Sudah 9 bulan (sejak April 2014) tiada entri terbaru kerana sibuk dengan hal lain. - Tetap ber...  
6 years ago

### sepuluh tahun sebelum merdeka



Selamat Hari Hartal 2012! - Selamat Hari Hartal 20.10.12! Bagi

memperingati hari bersejarah rakyat Malaya bersatu-padu dalam perjuangan menuntut demokrasi dan pembebasan dari penjajah...  
8 years ago

**dari Kiri:** Latiff Deris (Ketua Pasukan), Mat Sulaiman, Ramli Hamzah, Mohd. Hamid, Salleh Hj. Mohd, Mohd Kalyubi Ghazali. **Bertenggang dari kiri:** Mat Daud, Zaki Manan, Fajri Ujang, Yusof Zainol, Salleh Deni....(Sumber : Semesta, 1970)



Pasukan Tenis Meja 1971.



Pasukan Blok K, Juara Sepaktakraw antara Blok, 1971



Ruang santai di salah satu Blok di Kolej Kediaman Pertama UKM.



Riadah santai...berkain pelikat dan singlet..

### Dari Kuala Lumpur ke Bangi

Pada November 1977, kampus UKM secara beransur telah berpindah ke kampus tetapnya di Bangi. Dengan perpindahan ini, Kolej pertama turut terlibat sama. Di Bangi, nama kediaman mahasiswa telah ditukar dari Kolej kepada KOMSIS iaitu kependekan dari Kompleksiswa, menurut laporan tahunan pengetua kompleksiswa A, seramai 1,374 mahasiswa yang dahulunya merupakan penghuni Kolej Pertama telah menjadi warga sulung KOMSIS A. Namun tidak semua mahasiswa di Kolej pertama dahulu dipindahkan ke Bangi, kira-kira 375 orang mahasiswa Sains dan perubatan masih dikekalkan di Asrama yang terletak di Jalan Pantai Baru. Pengurusan tertinggi KOMSIS A dikenali sebagai Lembaga Pengurusan Kolej, ahli jawatankuasanya yang pertama adalah:

Pengerusi : Ahmad Mohd. Yusof  
Timbalan Pengerusi : M.A Fauzi Mohd Basri ( Allahyarham Prof. Datuk Dr.)  
Setiausaha : Yahya Abu Bakar  
Bendahari : Kamariah Janor

Ahli : Tuan Haji Muhammad Abu Bakar  
Ismail Hamid  
Takiah Mohd Iskandar ( Prof. Dr)

Sementara pengurusan KOMSIS A pula ialah;

Pengetua : Ahmad Mohd. Yusof  
Timbalan Pengetua : M.A Fauzi Mohd Basri ( Allahyarham Prof. Datuk Dr.)  
Pengurus : Rosmah Latif  
Kerani Am : Abdul Malik Zajuli  
Jurutaip : Siti Hawa Abu Samah  
Pengawas : Ali Mohidin

Kepimpinan mahasiswa di peringkat kolej kediaman atau dikenali dengan nama JAKSA yang pertama di KOMSIS A adalah lantikan semula dari jawatankuasa terakhir di Kolej Kediaman Pertama. Mahasiswa yang menganggotai JAKSA terakhir Kolej Pertama dan pada masa yang sama merupakan JAKSA sulung KOMSIS A 1977/1978 ialah;

Yang Di Pertua : Jamaludin Arbain  
Naib Yang Di Pertua : Jamaludin Mat  
Setiausaha : Othman Desa ( Datuk)  
Kehormat  
Pen. S/U Kehormat : Afifi Haji Ahmad  
Bendahari : Che Hashim Che Said  
AhliJawatankuasa :Alkharib Shah Alang Osman ( Penerangan dan Penerbitan)  
Abdul Karim Noor ( Ugama)  
Abdul Moin Aieni ( Kebudayaan)  
Hamlud Shafie (Sukan)  
Muhammad Abu Bakar (Pelajaran)



Abu Bakar Khamis ( Kebajikan )  
Mohd Nistah Kabul ( Rencam)



JAKSA terakhir Kolej Kediaman Pertama UKM yang dilantik semula sebagai JAKSA Pertama KOMSIS A.



Aksi acara 'Malam Perpisahan K.Lumpur - Bangi'. (Sumber: Semesta, 1977/78)

Penghasilan penulisan ini adalah sebagai satu usaha untuk melestarikan maklumat yang berkaitan dengan sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang kini telah memanjat usianya yang ke 43 tahun. Mungkin ada maklumat yang disampaikan tidak jelas atau kurang tepat, pembaca dialu-alukan untuk memberi teguran dan pembedulan pada mana-mana bahagian penulisan ini.

#### Rujukan:

Lemporian. (1977). Dari Pantai Baru ke Kampus Bangi. Semesta, 57.

Semesta, (1970).Jilid.I.

Semesta, (1971/72).Jilid.II.

Semesta, (1972/73).Jilid.III.

Semesta, (1973/74).Jilid.4.

Semesta, (1977/78).Vol. VIII.

## 7 comments:



**Unknown said...**

Terima kasih banyak atas pemaparan kisah bergambar yang cukup nostalgik. Pada satu waktu ingin saya memperoleh gambar-gambar lama itu. E-mel saya awsr@yahoo.com dan Facebook saya ialah Kembara Bahasa Melayu Mahawangsa dan Awang Sariyan, sementara blog saya Kembarabahasa.blogspot.com

- Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan, Ketua Pengarah DBP.

1:07 AM



**Unknown said...**

Terima kasih banyak atas pemaparan kisah bergambar yang cukup nostalgik. Pada satu waktu ingin saya memperoleh gambar-gambar lama itu. E-mel saya awsr@yahoo.com dan Facebook saya ialah Kembara Bahasa Melayu Mahawangsa dan Awang Sariyan, sementara blog saya Kembarabahasa.blogspot.com

- Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan, Ketua Pengarah DBP.

1:08 AM



**Harith Faruqi Sidek said...**

Salam Ybhg Datuk,

Terima kasih kerana singgah di blog saya, insyaallah saya sedia bantu dengan gambar-gambar berkenaan.

10:46 PM



**Roslan said...**

Assalamualaikum Tuan,

Saya adalah bekas mahasiswa UKM tahun 1982 -1986. Bolehkah tuan benarkan saya mengambil isi / petikan daripada blog tuan masuk ke FB saya untuk tatapan rakan2 bekas mahasiswa UKM?

Nama: Roslan

3:03 PM



**Harith Faruqi Sidek said...**

Salam,

Tuan Roslan,

Silakan.

7:47 AM



**Roslan said...**

Salam,

Terima kasih tuan. Semoga UKM terus maju dan gemilang

Roslan

4:56 PM



**Badai senja** said...

As salam ..

Ada juga gambar ayah saya time first bacth ukm dulu...

5:11 PM

[Post a Comment](#)

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)

Powered by [Blogger](#).